

[Topik Popular](#) ▶ [Data Ekonomi](#)[English](#) [A+](#) [A](#) [A-](#)[Prosedur Pengecualian](#)[Pakej Rangsangan Ekonomi 2020](#)[Pakej KITA PRIHATIN](#)[Indikator Ekonomi](#)[Dasar Terkini](#)[Perlembagaan dan Akta](#)

Portal Rasmi

Kementerian Kewangan Malaysia



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Keperluan Untuk Pengubahsuaian Belanjawan Akan
Diputuskan Kemudian - Tengku Zafrul

☐ Selasa, Mac 10 2020☐ ☐

PUTRAJAYA, 10 MAC - Menteri Kewangan yang baru dilantik Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata keputusan mengenai sama ada akan terdapat pengubahsuaian belanjawan pada tahun ini, akan diputuskan kemudian.



Bercakap kepada pemberita semasa merakam waktu masuk untuk kali pertama sebagai menteri di Kompleks Perbendaharaan pada 6.07 petang di sini hari ini, katanya beliau mahu diberi taklimat terlebih dahulu oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir sebelum membuat sebarang keputusan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

"Selepas taklimat, saya akan maklumkan kepada anda semua," katanya, sambil menambah taklimat itu akan turut membantu beliau untuk membuat keputusan mengenai langkah pertama yang perlu beliau ambil sebagai menteri kewangan.

Kejatuhan harga minyak global baru-baru ini dan impak daripada COVID-19 memberi kesan negatif kepada bursa Malaysia, membawa kepada spekulasi bahawa Belanjawan 2020 mungkin perlu disesuaikan semula.

Tengku Zafrul mengadakan mesyuarat dengan Ahmad Badri, bersama pegawai-pegawai Kementerian Kewangan, selama kira-kira dua jam sebelum beliau meninggalkan bangunan itu pada kira-kira 8.20 malam.

-- BERNAMA



☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian



Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas



Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data